

23/05/1997

KM baru teruskan projek Mohd Zin

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Khamis - Ketua Menteri Melaka yang baru, Datuk Abu Zahar Isnin, mahu meneruskan semua projek pembangunan dirancang Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang meninggal dunia kerana diserang angin ahmar pada 14 Mei lalu.

Bagaimanapun, katanya, sesuatu projek itu akan dikaji semula jika didapati perlu dan apabila didapati lewat dilaksanakan, projek itu akan dipercepatkan.

"Saya akan meneruskan apa yang dirancang Allahyarham Mohd Zin. Jika perlu akan dikaji semula dan yang lambat akan dipercepatkan," katanya ketika ditemui di Tanjung Kling, dekat sini tengah hari ini.

Menurutnya, beliau dimaklumkan mengenai pelantikan sebagai Ketua Menteri oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada kira-kira jam 9 pagi tadi.

"Saya berterima kasih Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar yang memberi kepercayaan dengan melantik saya menerajui kerajaan negeri Melaka.

"Pada saya, ini adalah amanah serta tugas yang berat untuk dipikul. Saya akan berusaha sedaya upaya melaksanakan amanah ini dengan kerjasama serta sokongan ahli exco," katanya.

Abu Zahar berkata, beliau sendiri tidak menjangka akan dilantik walaupun ada spekulasi mengenai dirinya serta ahli Exco lain.

"Saya tidak mengambilnya secara serius sehingga Anwar menelefon pagi ini. Saya bersyukur kepada Allah," katanya.

Menurutnya, beliau akan mengamalkan dasar kepemimpinan terbuka dan sedia menerima sebarang teguran membina.

Serentak itu, Abu Zahar berkata beliau mahu memberi perhatian kepada masalah dengan rancangan melaksanakan lebih banyak program keagamaan bagi menangani gejala sosial yang melanda remaja sekarang.

Sehubungan itu, katanya, seminar untuk meneliti gejala sosial yang melanda di Melaka perlu dibuat supaya masalah remaja boleh ditangani melalui pendidikan agama.

"Agama dan pendidikan moral mempunyai peranan penting. Jika tidak dapat hapuskan, bolehlah dikurangkan gejala sosial," katanya.

Menurutnya, ini selaras dengan satu daripada 10 teras Melaka Negeri Berbudaya iaitu beriman dan bertakwa.

Abu Zahar juga berharap pegawai kerajaan dan jentera parti akan saling bekerjasama bagi membangunkan negeri Melaka.

Selain itu, beliau juga mahu merapatkan jurang perpaduan dalam parti sama ada di peringkat negeri, bahagian atau cawangan supaya perbezaan pendapat diselesaikan secara diplomasi bagi mengelakkan sebarang konflik.

"Kalau ada perbezaan pendapat, hendaklah ke arah perjuangan parti secara meluas dengan dasar parti lebih diutamakan daripada individu," katanya.

(END)